

Iltizam Johor pulihara sungai menuntut kerjasama rakyat, industri

- Data dikeluarkan JAS pada 2019 mendapati 28 sungai di Johor tercemar dalam kelas tiga hingga kelas lima

- Program Johor Bersih 100 Hari tumpu tangani isu pencemaran sungai di negeri itu yang berlarutan sejak sekian lama

- MB Johor, Datuk Onn Hafiz cabar masyarakat Johor wujudkan negeri mampan dan selesa didiami

Oleh **Mohamed Farid Noh**
bhrencana@bh.com.my

Sungai bukan sahaja landskap alam semula jadi menakjubkan, malah menjadi nadi penting dalam kehidupan seharian manusia dari dahulu sehingga kini.

Sejak dahulu sungai berjasa bukan sahaja bagi membekalkan makanan sebagai sumber protein menerusi hidupan akuatik, malah menjadi bekalan air bersih untuk minum, mandi, membasuh

pakaian dan bertani.

Sungai juga menjadi penghubung antara kawasan dan dijadikan sistem jalan utama masyarakat terdahulu. Menuju arus pemodenan, sungai melalui proses perubahan sangat dinamik dan berubah seiring peredaran zaman.

tergolong kelas kelima iaitu tercemar teruk. Laporan demi laporan turut dibuat mengenai pencemaran sungai di tengah bandar raya Johor Bahru terutama Sungai Tebrau, Sungai Skudai, Sungai Perling dan Sungai Danga yang tercemar akibat sampah sarap sehingga airnya bertukar warna serta berbau busuk.

Kemuncaknya adalah pencemaran sisa toksik berbahaya di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang mengemparkan negara pada Mac 2019 sehingga sebahagian sekolah di kawasan itu diarah tutup sementara berikutan pelajar mengalami simptom sesak nafas, muntah dan pitam.

Proses pencemaran sungai bukan berlaku dalam tempoh singkat dan ia dilaporkan terjadi disebabkan beban pencemar terlalu lama berada dalam sungai.

Mengambil contoh Sungai Skudai di tengah

dalam mengubah keadaan sungai di negeri ini yang terus tercemar.

Pada 2019, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menerusi pensyarah kanan Jabatan Kimia, Dr Faizuan Abdullah pernah mendedahkan Selat Tebrau mengalami pencemaran kritikal menerusi kajiannya di selat itu bermula 2008 hingga 2016.

Beliau menjelaskan, pelbagai elemen pencemaran berlaku, termasuk sisa industri, loji kumbahan, air basuhan domestik selain sampah sarap di Selat Johor yang turut dikenali sebagai Selat Tebrau.

Analisis sampel air Selat Johor turut mendapati ia dicemari logam berat bertoksik termasuk plumbum, kromium, cadmium, arsenik dan nikel. Kandungan toksik logam berat dari sungai terbabit pernah mencapai bacaan tertinggi



Wartawan BH

Di sesetengah negara, sungai dijadikan produk pelancongan seperti Sungai Han di Korea Selatan, Sungai Seine (Perancis), Sungai Thames (United Kingdom), Sungai Danube (Austria dan Hungary) serta Sungai Kandangawa (Jepun) yang terkenal dengan keindahan panoramanya.

Namun, kepentingan sungai di negara ini khususnya di Johor dipandang enteng dengan segelintir masyarakat menganggap ia sebagai kawasan pembuangan sampah dan sisa buangan.

Apa tidaknya, mengikut data Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 2019, Johor mempunyai 28 sungai tercemar dalam kelas tiga hingga kelas lima, sesuatu yang amat mendukacitakan.

Antara sungai di Johor berada pada kelas ketiga ialah Sungai Sembrong, Sungai Skudai, Sungai Kim Kim, Sungai Anak Sedili sementara Sungai Danga, Sungai Latoh, Sungai Kempas dan Sungai Sebulung pula berada pada kelas keempat yang hanya sesuai untuk tujuan pengairan.

Sungai Tukang Batu di Pasir Gudang pula

bandar raya ini dan menjadi sumber air utama Loji Rawatan Air (LRA) Sultan Ismail yang membekalkan air kepada hampir 200,000 pengguna.

Sungai Skudai kerap berdepan isu pencemaran tidak berkesudahan berikutan di sepanjang lembangan sejauh 46 kilometer (km) terdapat 1,780 premis industri komersial, 1,532 perusahaan kecil dan sederhana (PKS), 173 loji kumbahan selain penempatan manusia.

Terdapat laporan ada penduduk dan industri dilihat membuang plastik sampah dari jambatan dan tebing sungai, namun apabila ditegur orang ramai serta penduduk, mereka pula dimarahi.

Menerusi data Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), 85 tan sampah sarap di Sungai Tebrau dikutip sebulan oleh syarikat kontraktor pembersihan, manakala Sungai Skudai terdapat 70 tan sampah sarap dikutip dalam tempoh sama.

Data itu sekali gus mendedahkan sikap tidak endah masyarakat yang menyerahkan tugas memelihara dan memulih sungai kepada pihak berkuasa semata-mata dan tidak membantu

melebihi 1.5 bahagian setiap juta (ppm), berbanding bawah paras bahaya iaitu 1.0, pada 2013, 2014 dan 2015.

Menerusi kajian selama lapan tahun itu, beliau merumuskan kepesatan pembangunan di kawasan sungai menghala Selat Johor, menyebabkan kualiti air selat itu semakin merosot setiap tahun.

Namun, langkah pentadbiran kerajaan negeri yang melancarkan Program Johor Bersih 100 Hari, Sabtu lalu diharap memberi sinar baharu terhadap isu pencemaran sungai di negeri ini yang sudah berlarutan sejak sekian lama.

Apatah lagi, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi menggariskan visi supaya semua sungai, di bandar raya dan negeri ini perlu ditransformasi dengan pembersihan harian dilakukan.

Onn Hafiz turut mencabar masyarakat Johor untuk mewujudkan negeri mampan dan selesa didiami, sekali gus bertanggungjawab membuang sampah di tempat ditetapkan.

Lebih menarik, kerajaan Johor turut melancarkan dua bot pengutip sampah sampah kendalian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabtu lalu yang akan digunakan di semua sungai seluruh negeri bagi membersihkan sampah sarap dan menangani pencemaran sungai sejak sekian lama.

Bot perangkap sampah itu dilaporkan boleh memerangkap tiga tan sampah sarap di sungai untuk sekali perjalanan dengan proses pembersihan dimulakan di Sungai Tebrau dan Sungai Skudai.

Iltizam kerajaan negeri menangani isu pencemaran sungai di Johor yang berlarutan ini perlu disokong segenap lapisan masyarakat termasuk membuang sikap mementingkan diri sendiri dan mengambil jalan mudah membuang apa juga sampah sarap ke dalam sungai.

Lebih utama, industri di negeri ini juga perlu sama-sama berganding bahu dan tidak mengambil jalan pintas untuk menjimatkan kos operasi dengan membuang sisa buangan terus ke dalam sungai.

Jika masyarakat dan industri di negeri ini masih tiada kesedaran dan terus bersikap sambil lewa, bukan sahaja sungai di Johor akan terus tercemar malah tidak mustahil tragedi toksik berbahaya di Sungai Kim Kim mungkin akan berulang semula.



Sungai yang bersih 'berpontensi' dimajukan sebagai tarikan pelancongan ke Johor.